

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 OGOS 2017 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	'NICE' for culture of science, technology and innovation	New Straits Times
2.	Kuasai teknologi canggih	KOSMO
3.	Pelan jangka panjang	Harian Metro
4.	Manfaat kajian strategik ke hadapan tepati keperluan TN50	Utusan Malaysia
5.	Sains, Teknologi, Inovasi jayakan TN50	Berita Harian
6.	Strategic foresight important toward achieving TN50 goals	BERNAMA
7.	TN50: kajian strategik masa hadapan penting	Sinar Harian
8.	Strategic foresight important toward achieving TN50 goals – Najib	The Sun Daily
9.	SIRIM akan selesaikan audit teknologi ke atas 170 firma tahun ini	BERNAMA
10.	SIRIM akan selesaikan audit teknologi 170 firma tahun ini	Utusan Borneo
11.	SIRIM to complete technology audit on 170 firms this year	BERNAMA
12.	Set standard for Kelulut Honey to avoid fake products	China Press
13.	Shuhaizam is Bioeconomy Corp's new CEO	New Straits Times
14.	Meteor shower visible on Saturday	The Sun
15.	Sahala inovasi berwuduk OKU	Utusan Malaysia

BERITA ONLINE
NEW STRAITS TIMES (<https://www.nst.com.my>)
TARIKH: 11 OGOS 2017 (JUMAAT)

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

'NICE' for culture of science, technology and innovation



PUTRAJAYA: The National Innovation and Creative Economy Expo (NICE) 2017 is one of the government's effort to foster and cultivate the culture of science, technology and innovation in Malaysia.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Wilfred Madius Tangau said creativity, innovation, technology-based initiatives must be embraced to develop new industries in facing the challenges of the Fourth Industrial Revolution.

Hosted by the ministry, the four-day expo is scheduled to kick off on Oct 12 at Bukit Jalil Technology Park, Kuala Lumpur.

"This year's theme 'Negaraku Berinovasi', is in line with the country's aspiration to foster creative innovation and economy as a main focus to innovate the people," he said in a statement issued after the National Council Science Meeting today.

Madius Tangau called for the establishment of the "Centre for Creative Economy and Innovation" through strategic collaboration with industries.

"Such centres were established in developed countries like South Korea plays an important role in helping companies and new innovators in the aspect of capacity building, business innovation and product quality improvement," he added.

In this regards, the ministry will evaluate the suitability of the South Korea's centre model to be adopted in the local STI environment to support the country's economic development.

Aplikasikan ilmu demi kesejahteraan negara

Kuasai teknologi canggih

PUTRAJAYA — Keupayaan untuk melihat terkedepan melalui kajian strategik masa hadapan semakin penting menuju ke arah matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurutnya, beliau begitu teruja apabila Jabatan Perkhidmatan Awam menggunakan pakai metodologi pandangan jauh dalam penyediaan pelan strategiknya dengan kerjasama Malaysian Foresight Institute dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

“Ini memperlihatkan keupayaan negara mengaplikasikan ilmu dan teknologi demi kesejahteraan rakyat dan negara. Syabas,” katanya semasa mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di sini semalam.

Selain itu, Najib berkata, pelancaran projek Transit Aliran Massa laluan pertama pada 17 Julai lepas juga merupakan kejayaan kerajaan dalam membawa perubahan landskap bukan sahaja pem-



NAJIB mempengerusikan mesyuarat Majlis Sains Negara di Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya semalam. Turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi (kiri) dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

bangunan negara malah mobiliti awam yang lebih moden dan akan dinikmati oleh 1.2 juta penduduk Malaysia.

Najib berkata, tiga kertas pertimbangan yang dibentangkan pada mesyuarat itu membincangkan perkara dan isu masa hadapan iaitu

Revolusi Industri keempat, Kerja Masa Hadapan serta Keselamatan Siber.

Katanya, keupayaan untuk menguasai teknologi termasuk mengeksploitasi dan meneroka teknologi disruptif adalah penting untuk mentransformasikan pelbagai

sektor ekonomi negara.

“Ini bagi memastikan negara terus mengorak langkah dan tidak ketinggalan dalam persaingan yang menjejaskan pembangunan, ekonomi negara, kesejahteraan serta keselamatan rakyat,” katanya. — Bernama

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)

28 setempat

11-08-2017

Mohd Husni Mohd Noor
mhhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Kerajaan akan melihat kepentingan kajian strategik masa hadapan bagi memastikan ia selari dan bertepatan dengan pelan jangka panjang negara termasuk Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, negara membangun dunia seperti United Kingdom, Finland dan Singapura sudah menggunakan metodologi 'horizon scanning dan strategic foresight' bagi memastikan pelan jangka panjang negara mereka bertepatan dan sesuai dengan keperluan masa hadapan.

"Saya juga difahamkan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa sendiri menerajui dan menggalakkan metodologi 'scenario scanning' digunakan dalam penyediaan pelan tindakan negara.

"Saya begitu teruja apabila

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menggunakan metodologi 'foresight' dalam penyediaan pelan strategiknya dengan kerjasama Malaysia Foresight Institute (myForesight) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)," katanya.

pada ucapannya ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) Bilangan 3 Tahun 2017, di sini, semalam.

Katanya, inisiatif berkenaan memperlihatkan keupayaan kerajaan mengaplikasi ilmu dan teknologi demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Dalam pada itu, Najib berkata, ketiga-tiga kertas pertimbangan yang dibincangkan pada mesyuarat NSC akan menyentuh perkara dan isu masa hadapan, Revolusi Industri ke-4, prospek

"Saya begitu teruja apabila JPA menggunakan metodologi 'foresight' Najib Razak"

Pelan jangka panjang

NAJIB ketika mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara Bilangan 3 Tahun 2017 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.

Kerajaan kaji metodologi bangun masa depan negara sesuai TN50

kerja masa hadapan dan keselamatan siber.

"Pertimbangan itu perlu bagi menyaksikan keperluan negara dan industri dalam menguasai teknologi termasuk mengeksploitasi dan meneroka teknologi sekali gus memastikan negara tidak ketinggalan dalam persaingan yang sangat memberi impak kepada pembangunan dan ekonomi negara serta kesejahteraan dan kesela-

matan rakyat," katanya.

Sementara itu, Najib berkata, bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) turut menjadi pemangkin dalam kemajuan pelbagai sektor dan lapangan merentasi kementerian dan agensi dalam negara ini.

"Pada mesyuarat NSC terdahulu, kita dimaklumkan teknologi terkini yang dicipta atau diguna pakai dalam bidang sukan, perhutanan

dan sebagainya.

"Perkongsian seperti ini perlu diteruskan untuk pengetahuan ahli majlis dan perlu diberi perhatian agar penggunaan teknologi ini dapat diperluas dan seterusnya dikomersialkan untuk menjana ekonomi negara," katanya.

Selain itu, mesyuarat NSC semalam turut merailkan ahli baru NSC iaitu Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi,

Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Nik Azman Nik Abdul Majid yang menggantikan Datuk Seri Rahmat Bivi Yusoff yang bersara daripada perkhidmatan awam.

Majlis Sains Negara turut merakamkan ucapan tahniah kepada Penasihat Sains Kepada Perdana Menteri Tan Sri Zakri Abdul Hamid kerana dianugerahkan ASEAN Biodiversity Heroes Award di Manila pada Selasa lalu.

KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGARA) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)

Manfaat kajian strategik ke hadapan tepati keperluan TN50

PUTRAJAYA 10 Ogos - Perancangan jangka panjang negara perlu mengambil kira kajian-kajian strategik ke hadapan yang menepati keperluan dan matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50), kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, metodologi kajian seperti *horizon scanning* dan *strategic foresight* telah pun digunakan sepenuhnya oleh negara membangun termasuk United Kingdom, Finland malah Singapura untuk memastikan pelan jangka panjang yang bersesuaian.

"Saya difahamkan bahawa Ketua Setiausaha Negara sendiri telah menerajui dan menggalakan metodologi *scenario scanning* digunakan dalam penyediaan pelan tindakan negara.

"Saya begitu teruja apabila Jabatan Perkhidmatan Awam negara kita telah pun mengguna pakai metodologi *foresight* dalam penyediaan pelan strategiknya dengan kerjasama Malaysian Foresight Institute (myForesight) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)," katanya dalam ucapan ketika



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara di Putrajaya, semalam. Turut hadir Ahmad Zahid Hamidi. - UTUSAN/RASHID MAHFOF

mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC) di Bangunan Putra Perdana di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Dalam pada itu, menurut Najib, ketiga-tiga kertas pertimbangan dalam mesyuarat tersebut iaitu Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0), Pekerjaan Masa Hadapan dan Keselamatan Siber merupakan topik yang membabitkan kepentingan masa hadapan negara.

"Keupayaan untuk menguasai teknologi termasuk mengeksploitasi dan meneroka *disruptive technologies* adalah penting untuk mentransformasikan pelbagai sektor ekonomi negara melalui pendekatan STI (sains, teknologi dan inovasi).

"Ini bagi memastikan negara terus mengorak langkah dan tidak ketinggalan dalam persaingan yang menjejaskan pembangunan dan ekonomi negara serta kesejahteraan dan keselamatan rakyat," katanya.

Jelas Najib, menerusi dialog TN50 yang disertai beliau bersama komuniti saintifik baru-baru ini, rumusan yang dapat dibuat adalah pengetahuan begitu penting untuk masa hadapan dan negara perlu menggunakan acuan sendiri dalam merangka Malaysia pada 2050.

"Saya tertarik dengan cadangan Progresif Malaysia 2050 yang dianjurkan oleh komuniti saintifik di dalam dialog tersebut. Sehubungan itu, saya mencadangkan ia dibentangkan dalam mesyuarat NSC akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Najib turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Prof. Tan Sri Zakri Abdul Hamid di atas kejayaan meraih anugerah Wira Biodiversiti ASEAN di Manila, Filipina, kelmarin.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)



[FOTO BERNAMA]

Najib
mempengerusikan
Mesyuarat Majlis
Sains Negara yang
turut dihadiri
Ahmad Zahid
di Putrajaya,
semalam.



Perubahan tidak boleh dielakkan, terutama bagi menghadapi cabaran abad ke-21 seperti globalisasi, era digital, krisis ekonomi dan teknologi disruptif yang dibawa Revolusi Perindustrian Keempat

Najib Razak,
Perdana Menteri

Sains, teknologi, inovasi jayakan TN50

➔ Negara perlu utama keperluan kajian, perubahan bagi penuhi pelan jangka panjang: PM

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak menekankan adalah mustahak untuk negara menggunakan acuan sendiri dalam menerima pakai sains, teknologi dan inovasi (STI) bagi mencapai matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Perdana Menteri berkata, (TN50) mengutamakan keperluan untuk melihat ke hadapan dan kajian masa hadapan menjadi semakin penting bagi mencapai matlamat itu.

"Perubahan tidak boleh dielakkan, terutama bagi menghadapi cabaran abad ke-21 seperti globalisasi, era digital, krisis ekonomi dan teknologi disruptif yang dibawa Revolusi Perindustrian Keempat.

"Negara membangun seperti

United Kingdom, Finland dan Singapura sudah pun menggunakan pakai metodologi *horizon scanning* (pemantauan ufuk) dan *strategic foresight* (pandangan masa hadapan strategik) bagi memastikan pelan jangka panjang mereka sesuai dengan keperluan masa hadapan.

"Justeru, adalah mustahak untuk negara menggunakan acuan sendiri dalam merangka Malaysia 2050," katanya dalam ucapan pembukaan sebelum mempengerusikan Mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC), di sini semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau. Pada majlis itu, Najib turut mengucapkan tahniah kepada Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Zakri Abdul Hamid, kerana dianugerahkan ASEAN Bio-

diversity Heroes Award di Manila, Filipina, Selasa lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau baru-baru ini mengadakan dialog bersama komuniti saintifik Malaysia bagi berbincang mengenai kedudukan dan kepentingan STI dalam memastikan objektif serta misi TN50 tercapai.

STI pemangkin kemajuan

Beliau turut mengesyorkan cadangan Malaysia Progresif 2050 yang dikemukakan komuniti saintifik dalam dialog itu dibentangkan pada mesyuarat NSC akan datang kerana STI adalah pemangkin kemajuan pelbagai sektor dan lapangan merentasi Kementerian serta agensi di negara ini.

Malah, katanya, sudah ada persetujuan dalam mesyuarat NSC terdahulu untuk mengarusperdanakan STI.

"Saya difahamkan, Ketua Setiausaha Negara (Tan Sri Dr Ali Ham-

sa) sendiri sudah menerajui dan menggalakkan metodologi *scenario scanning* (pemantauan senario) dalam penyediaan pelan tindakan negara.

"Saya begitu teruja apabila Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengguna pakai metodologi pandangan masa hadapan dalam penyediaan pelan strategiknya dengan kerjasama Malaysian Foresight Institute (myForesight) dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP)," katanya.

Perdana Menteri berkata, keupayaan untuk menguasai teknologi termasuk mengeksplotasi dan meneroka teknologi disruptif adalah penting untuk transformasi pelbagai sektor ekonomi negara melalui STI supaya negara tidak ketinggalan dalam persaingan sehingga menjejaskan pembangunan, ekonomi negara, kesejahteraan serta keselamatan rakyat.



Strategic Foresight Important Toward Achieving TN50 Goals – Najib



PUTRAJAYA, Aug 10 (Bernama) -- The ability to postulate possible futures through strategic foresight is increasingly important toward achieving the goals of the National Transformation 2050 (TN50), says Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak.

He said developed countries such as the United Kingdom, Finland and Singapore have adopted the horizon scanning and strategic foresight methodologies to ensure that their country's long-term plans were in line with their future needs.

In fact, he said Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa himself had spearheaded and encouraged the use of a scenario scanning methodology in the preparation of the national action plans.

He added that he was excited when the Public Service Department also adopted the foresight methodology in the preparation of its strategic plan with the cooperation of the Malaysian Foresight Institute (myForesight) and the United Nations Development Programme (UNDP).

"This shows the country's ability to apply science and technology to ensure wellbeing of the people and the country. Well done!" he said when chairing the **National Science Council's (NSC)** meeting, here today.

Furthermore, Najib said the launch of the first route of the Mass Rapid Transit (MRT) project on July 17 was also the success of the government in bringing about a landscape change not only in terms of national development, but also in a more modern public mobility which will be enjoyed by 1.2 million Malaysians.

"While we study the future and look for new economic and market opportunities, we must also ensure the impact on the people remains as a priority," he said.

The prime minister said three proposals presented at the meeting discussed the issues of tomorrows, namely the 4th Industrial Revolution, Future of Work and Cyber Security.

He said the ability to master the technologies, including exploiting and exploring

disruptive technologies, was vital to transform the various national economic sectors through science and technology (STI) approaches.

"This is to ensure that the country will continue to move forward and will not be left out in the competition, which would affect national development and economy, as well as the wellbeing and security of the people,"he said.

Najib also call for the Progressive Malaysia 2050 proposal discussed up at the recent Malaysian scientific community dialogue, to be presented at the upcoming NSC meeting.

He said he was also interested in the proposal which discussed the position and importance of science, technology and innovation in ensuring success of TN50's objectives and missions.

"It is vital for the country to use its own mold in drafting Malaysia 2050,"he added.

-- BERNAMA



TN50: Kajian strategik masa hadapan penting

PUTRAJAYA - Keupayaan untuk melihat terkehadapan melalui kajian strategik masa hadapan semakin penting menuju ke arah matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50), kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, negara membangun seperti United Kingdom, Finland dan Singapura telah mengguna pakai metodologi 'horizon scanning' dan 'strategic foresight' bagi memastikan pelan jangka panjang negara mereka bertepatan dan sesuai dengan keperluan masa hadapan.

Katanya, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa sendiri telah menerajui dan menggalakkan penggunaan metodologi 'scenario scanning' dalam penyediaan pelan tindakan negara.

Tambahnya beliau begitu teruja apabila Jabatan Perkhidmatan Awam mengguna pakai metodologi pandangan jauh dalam penyediaan pelan strategiknya dengan kerjasama Malaysian Foresight Institute (myForesight) dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

"Ini memperlihatkan keupayaan negara mengaplikasi ilmu dan teknologi demi kesejahteraan rakyat dan negara. Syabas!," katanya semasa mempengerusikan **mesyuarat Majlis Sains Negara (NSC)**, di sini hari ini.

Selain itu, Najib berkata pelancaran projek Transit Aliran Massa (MRT) laluan pertama pada 17 Julai lepas juga merupakan kejayaan kerajaan dalam membawa kepada perubahan landskap bukan sahaja pembangunan negara malah mobiliti awam yang lebih moden dan akan dinikmati oleh 1.2 juta penduduk Malaysia.

"Walaupun kita melihat jauh ke hadapan di dalam mencari peluang ekonomi dan pasaran baru, kita harus memastikan impak kepada rakyat mesti diutamakan," katanya. Najib berkata tiga kertas pertimbangan yang dibentangkan pada mesyuarat itu membincangkan perkara dan isu masa hadapan iaitu Revolusi Industri ke-4, Kerja Masa Hadapan dan Keselamatan Siber.

Katanya keupayaan untuk menguasai teknologi termasuk mengeksploitasi dan meneroka teknologi disruptif adalah penting untuk mentransformasikan pelbagai sektor ekonomi negara melalui pendekatan sains dan teknologi (STI).

"Ini bagi memastikan negara terus mengorak langkah dan tidak ketinggalan dalam persaingan yang menjejaskan pembangunan dan ekonomi negara serta kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

Dalam pada itu, Najib turut mencadangkan agar cadangan 'Malaysia Progresif 2050' yang dibincangkan dalam dialog bersama komuniti saintifik Malaysia baru-baru ini, dibentangkan dalam mesyuarat NSC akan datang.

Katanya beliau tertarik dengan cadangan itu yang membincangkan kedudukan dan kepentingan sains, teknologi dan inovasi dalam memastikan objektif dan misi TN50 tercapai.

"Adalah amat mustahak untuk negara menggunakan acuan sendiri dalam merangka Malaysia 2050," kata Najib



Strategic foresight important toward achieving TN50 goals: Najib

PUTRAJAYA: The ability to postulate possible futures through strategic foresight is increasingly important toward achieving the goals of the National Transformation 2050 (TN50), says Prime Minister Datuk Seri Najib Abdul Razak.

He said developed countries such as the United Kingdom, Finland and Singapore have adopted the horizon scanning and strategic foresight methodologies to ensure that their country's long-term plans were in line with their future needs.

In fact, he said Chief Secretary to the Government Tan Sri Dr Ali Hamsa himself had spearheaded and encouraged the use of a scenario scanning methodology in the preparation of the national action plans.

He added that he was excited when the Public Service Department also adopted the foresight methodology in the preparation of its strategic plan with the cooperation of the Malaysian Foresight Institute (myForesight) and the United Nations Development Programme (UNDP).

"This shows the country's ability to apply science and technology to ensure wellbeing of the people and the country. Well done!" he said when chairing the **National Science Council's (NSC)** meeting, here today.

Furthermore, Najib said the launch of the first route of the Mass Rapid Transit (MRT) project on July 17 was also the success of the government in bringing about a landscape change not only in terms of national development, but also in a more modern public mobility which will be enjoyed by 1.2 million Malaysians.

"While we study the future and look for new economic and market opportunities, we must also ensure the impact on the people remains as a priority," he said.

The prime minister said three proposals presented at the meeting discussed the issues of tomorrows, namely the 4th Industrial Revolution, Future of Work and Cyber ??Security.

He said the ability to master the technologies, including exploiting and exploring disruptive technologies, was vital to transform the various national economic sectors through science and technology (STI) approaches.

"This is to ensure that the country will continue to move forward and will not be left out in the competition, which would affect national development and economy, as well as the wellbeing and security of the people," he said.

Najib also call for the Progressive Malaysia 2050 proposal discussed up at the recent Malaysian scientific community dialogue, to be presented at the upcoming NSC meeting.

He said he was also interested in the proposal which discussed the position and importance of science, technology and innovation in ensuring success of TN50's objectives and missions. "It is vital for the country to use its own mould in drafting Malaysia 2050," he added.



SIRIM Akan Selesaikan Audit Teknologi Ke Atas 170 Firma Tahun Ini

Tarikh kemaskini: 10/08/2017

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Organisasi penyelidikan dan teknologi, SIRIM Bhd, dijangka akan menyelesaikan audit teknologi ke atas 170 syarikat dalam pelbagai sektor melalui Program SIRIM-Fraunhoufer tahun ini.

Program itu menggunakan dan mengamalkan prinsip-prinsip model Fraunhoufer dari Jerman mengenai penyelidikan guna untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Wilfred Madius

Tangau, berkata sehingga sekarang, sejumlah 80 firma daripada sektor kejuruteraan, elektronik dan jentera telah menyelesaikan audit teknologi mereka.

"Hasil daripada audit akan membantu PKS menyediakan pelan tindakan untuk meningkatkan produktiviti, menambah keupayaan pengurusan teknologi serta meningkatkan rantai nilai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar inovasi makanan dan trend global di sini hari ini.

Dalam tahun 2015 dan 2016, sebanyak 320 syarikat telah dibuat audit teknologi.

"Penemuan melalui audit itu akan menentukan teknologi yang diperlukan bagi sesebuah syarikat untuk meningkatkan produktiviti mereka.

"Lebih 45 projek telah diluluskan untuk program menaik taraf teknologi dan 36 projek telah dikenal pasti bagi program memupuk," katanya.

Seminar sehari itu telah diadakan seiring dengan Pesta Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia 2017 yang ke-18.

Ia disertai lebih daripada 200 peserta dalam industri makanan dan minuman, institusi penyelidikan, institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan dan sektor swasta.

-- BERNAMA



SIRIM akan selesaikan audit teknologi 170 firma tahun ini

© 2017-08-11

KUALA LUMPUR: Organisasi penyelidikan dan teknologi, SIRIM Bhd, dijangka akan menyelesaikan audit teknologi ke atas 170 syarikat dalam pelbagai sektor melalui Program SIRIMFraunhoufer tahun ini.

Program itu menggunakan dan mengamalkan prinsip-prinsip model Fraunhoufer dari Jerman mengenai penyelidikangunaan untuk pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, berkata sehingga sekarang, sejumlah 80 firma daripada sektor kejuruteraan, elektronik dan jentera telah menyelesaikan audit teknologi mereka.

"Hasil daripada audit akan membantu PKS menyediakan pelan tindakan untuk meningkatkan produktiviti, menambah keupayaan pengurusan teknologi serta meningkatkan rantai nilai," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar inovasi makanan dan trend global di sini semalam.

Dalam tahun 2015 dan 2016, sebanyak 320 syarikat telah dibuat audit teknologi.

"Penemuan melalui audit itu akan menentukan teknologi yang diperlukan bagi sesebuah syarikat untuk meningkatkan produktiviti mereka.

"Lebih 45 projek telah diluluskan untuk program menaik taraf teknologi dan 36 projek telah dikenal pasti bagi program memupuk," katanya.

Seminar sehari itu telah diadakan seiring dengan Pesta Perdagangan Makanan dan Minuman Antarabangsa Malaysia 2017 yang ke-18.

Ia disertai lebih daripada 200 peserta dalam industri makanan dan minuman, institusi penyelidikan, institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan dan sektor swasta. — Bernama



SIRIM To Complete Technology Audit On 170 Firms This Year

Last update: 10/08/2017

KUALA LUMPUR, Aug (Bernama) --Research and technology organisation, SIRIM Bhd, expects to complete technology audit on 170 companies from various sectors through SIRIM-Fraunhoufer Programme this year.

The programme adopts and adapts the principles of Germany's Fraunhoufer model on applied research for the development of small and medium enterprises (SMEs).

Science, Technology and Innovation Minister, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, said to-date 80 firms from the engineering, machinery and electronics sectors had completed the technology audit.

"The outcome of the audit will help SMEs set up action plans to enhance their productivity, improve technology management capability and move up the value chain," he told reporters after officiating the food innovation and global trends seminar here today.

Madius said in 2015 and 2016, technology audits were done on 320 companies.

"The audit findings determined the technology intervention needed for firms to improve their productivity.

"Over 45 projects have been approved for technology upgrading programmes and 36 projects have been identified for nurture programmes," he said.

The one-day seminar was held with the 18th Malaysian International Food and Beverage Trade Fair 2017.

Over 200 participants from food and beverage industry, research institutions, higher education institutions, government and private sectors agencies attended the seminar.

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
CHINA PRESS
TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)**

Set standard for Kelulut Honey to avoid fake products



**杜絕市場假貨問題
規範銀蜂蜜標準**

(布城10日讯) 科学、工艺及革新部长拿督马迪奥斯当放说，该部通过大马标准局开发MS: 2683，以规范银蜂蜜(Madu Kelulut)标准，同时可杜绝市场售卖的假银蜂蜜问题。

他说，养殖银蜂生产蜂蜜业在我国蓬勃发展，目前国内就有750至1000名养殖银蜂的业者，并相信在未来会持续增加。

“由于银蜂蜜售价高，况且在我国生产的银蜂蜜，无法满足市场所需，以致有不良业者，从外国引进假银蜂蜜：这会影影响消费者对我国所生产的真正银蜂蜜的信心。”

马迪奥斯当放今日发文告说，大马标准局所开发的银蜂蜜标准，将会制定银蜂蜜的素质、采样、测试样品的准备、测试方式、清洁、包装和标签的标准。

他说，除了该部，其他相关机构和单位，如采集中心、银蜂蜜加工厂、和出产商，也会以上述的标准，制定该蜂蜜的素质，确保国内生产的蜂蜜，都安全、高品质，以及符合消费者使用。

他还说，该部也通过大马标准局开发MS: 2679，以规范养殖大蜜蜂(Apini)和麦蜂族(Meliponini)所生产的蜂蜜标准。

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS) : MUKA SURAT B16
TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)

APPOINTMENT

Shuhaizam is Bioeconomy Corp's new CEO

KUALA LUMPUR: Malaysian Bioeconomy Development Corp (Bioeconomy Corp), the lead development agency for the bio-based industry in Malaysia under the purview of the Science, Technology and Innovation Ministry, had appointed Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain as its chief executive officer effective August 1.

In a statement yesterday, Bioeconomy Corp said Shuhaizam has vast experience and knowledge in government policies and directions, and also an in-depth know-how in engineering, system integration and biomedical.

"Since 2005, he has built 10 firms in an array of industries that include agriculture, health-

care, green technology, biomass, bioenergy, clean technology, training and information and communications technology," the company said.

Shuhaizam holds a Bachelor Degree in Medicine and Surgery from the Royal College of Surgeons in Ireland, Dublin. **Berna-**



Dr Mohd Shuhaizam Mohd Zain is Malaysian Bioeconomy Development's chief executive officer effective August 1.

KERATAN AKHBAR
THE SUN : MUKA SURAT 11
TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)

Meteor shower visible on Saturday

KUALA LUMPUR: The highlight of the Perseids meteor shower will be visible over the night sky in the country at about 12.30am on Saturday, according to the **National Space Agency**, reported Bernama.

It said in a statement that people would be able to see between 60 and 100 meteors an hour or up to 150 meteors an hour in

areas free of light pollution during the phenomenon.

"However, the waning gibbous moon will make it a challenge to see the meteor shower clearly," it said, adding that the moon was expected to rise at 10.16pm today.

The Perseids meteor shower occurs annually between July 17 and Aug 24.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 11 OGOS 2017 (JUMAAT)



SAHALA INOVASI BERWUDUK OKU



LUTSINAR - Tiada masalah untuk lihat bahagian basuhan kaki.

LOKASI SAHALA DI MALAYSIA

- Dua unit Sahala di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) Putrajaya atau dikenali sebagai Masjid Besi.
- Surau Presint 16 (Putrajaya).
- Masjid Bandar Seri Putra, Bangi.
- Masjid Al-Hasanah Bandar Baru Bangi di Bangi.
- Hospital Tanjung Karang (Kuala Selangor).
- Surau Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Kuala Lumpur).
- Surau Seksyen 14 (Petaling Jaya).
- Bengkel Daya Klang (Klang).
- Dua buah masjid di Kedah.

Oleh HASHNAN ABDULLAH
 agama@utusan.com.my

SETIAP umat Islam yang baligh mengetahui dan memahami bahawa perlu mempunyai wuduk jika ingin bersolat. Tidak kiralah, sama ada mahu menunaikan solat fardu atau sunat.

Untuk berwuduk, kita sudah pasti memerlukan sejumlah air yang mencukupi. Ini supaya basuhan tersebut akan meliputi seluruh kawasan anggota badan yang perlu dibasahkan.

Bagi golongan normal, ia bukan satu masalah besar. Tetapi tidak bagi mereka dalam kategori golongan kurang upaya (OKU), warga emas atau ibu hamil. Pergerakan mereka amat terbatas dan ada ketika tertentu boleh mendatangkan kecederaan pada mereka.

Mungkin inovasi syarikat Bumiputera, Meas-Tech Solutions Sdn. Bhd. yang menghasilkan stesen wuduk bernama Sahala boleh menyelesaikan masalah golongan berkenaan.

CIRI-CIRI SAHALA

- Sahala yang melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama dua tahun.
- Menggunakan 100 peratus tenaga kerja dan produk tempatan.
- Ia berkonsepkan mudah alih.
- Tidak membabitkan elemen elektronik.
- Lebih bersifat mekanikal yang memerlukan aliran air masuk dan keluar ketika ia dipasangkan.

Menurut Pengarah Urusannya, **Roziawati Ibrahim**, inovasi yang kini sudah dipatenkan itu direka khas untuk membantu golongan berkenaan berwuduk tanpa bantuan orang normal lain dan juga mampu melakukannya dalam keadaan selesa.

"Reka bentuk Sahala dibina mengikut kesesuaian dan keperluan golongan berkenaan dalam berwuduk secara berdiskusi," katanya ketika ditemui di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin (MTMZA) Putrajaya, baru-baru ini.

SELESA... Bukan hanya OKU tetapi warga emas atau ibu hamil yang tidak larat berdiri boleh menggunakan stesen wuduk ini.

INFO SAHALA

- Tempat wuduk mudah alih pertama di dunia.
- Sahala yang ada sekarang adalah hasil daripada prototaip ke-14, hasil R&D yang teliti.
- Selain masjid, surau atau hospital, ia juga boleh dipasang di rumah.
- Tidak perlu lakukan proses ubah suai pada struktur bangunan atau rumah.
- Pemasangannya berkonsepkan pasang sendiri (DIY).
- Sesuai untuk OKU, keperluan khas, warga emas dan ibu hamil.
- Tidak membabitkan sebarang elemen tenaga elektrik.

KELEBIHAN TEMPAT WUDUK SAHALA

- Golongan berkenaan tidak perlu turun daripada kerusi roda untuk mengambil wuduk kerana inovasi tersebut menyediakan satu ruang yang boleh memuatkan saiz kerusi berkenaan.
- Ruang itu juga boleh memuatkan kerusi biasa bagi golongan warga emas, ibu hamil atau mereka yang tidak boleh berdiri dan membengkokkan badan.
- Sinki yang ada pada produk itu direka untuk mengelakkan lebih air daripada membasahi pakaian

golongan tersebut, selain ia juga bersifat lut sinar bagi membolehkan mereka melihat ketika mencuci kaki dengan air.

- Turut dilengkapi dengan sistem kawalan air secara manual sama ada ketika membasuh anggota atas daripada pinggang atau kaki.
- Adalah mustahil untuk elak air wuduk terpercik kepada baju tetapi Sahala mampu elak pakaian golongan tersebut menjadi lecut.
- Untuk keterangan lanjut, boleh layari laman kami iaitu www.sahala.com.my